

**Dana Politik Tidak Sihat Untuk Parti Politik, Kata Paul Low**  
**Malaysian Insider**  
**5 Mac, 2014**  
**Oleh Md Izwan**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan menegaskan budaya pembiayaan dana politik oleh ahli perniagaan adalah tidak sihat untuk semua parti politik.

Low berkata, fokus utamanya ketika ini adalah bagi memastikan budaya ini disingkirkan daripada parti politik di dalam negara.

"Saya ingin lebih banyak pembaharuan mengambil tempat dalam pembiayaan kewangan politik.

"Ini kerana jika terdapat banyak politik wang dan pembiayaan kewangan terutamanya daripada perniagaan, ia akan menyebabkan banyak masalah," kata Low semasa sidang media selepas sidang Corporate Governance Summit di Kuala Lumpur hari ini.

Low berkata, kebanyakan dana politik datang daripada ahli perniagaan dan pada masa yang sama menimbulkan konflik berkepentingan apabila memegang kuasa.

"Jadi, apabila kamu mendapati ada ahli perniagaan menyokong secara pembiayaan kewangan, sudah pasti apabila kamu memegang kuasa terpaksa membayarnya dengan menolong mereka semula," katanya lagi.

Bagi mengelak budaya tidak sihat tersebut berterusan, Low mencadangkan agar dana politik ini dikawal selia supaya lebih telus.

"Ia tidak sihat melainkan kita pastikan pembiayaan dana kewangan ini dikawal selia supaya boleh lebih telus," katanya lagi.

Pada 2012, kontroversi dana politik mendapat perhatian umum susulan pendedahan pemberian "derma politik" RM40 juta kepada Umno Sabah.

Pemberian wang tersebut dilapor disalurkan oleh seorang pelabur balak, Michael Chia, yang pada Februari lalu dijatuhi hukuman penjara dan sebatan kerana terlibat dalam rasuah dan salah guna kuasa.

Dalam isu berlainan, Low juga memuji inisiatif parti politik yang mengubah sistem pemilihan supaya lebih telus dengan beberapa penambahbaikan.

"Malahan Umno sendiri pun mengubah struktur pengundian. Ia berjaya membuang banyak politik wang.

"Saya rasa pemilihan Umno lalu sangat memberangsangkan kerana tiada politik wang besar-besaran berlaku. Kalau jumlah pengundi seramai lebih 100 ribu orang, macam mana nak pengaruhi mereka? Ia sepatutnya begitulah," kata Low. – 5 Mac, 2014.